



MAIS/SU/UKS/011/3 (60)

Rujukan Kami : Julai 2018

Tarikh :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan Nazir Masjid Seluruh Negeri Selangor

Tuan,

SURAT PEKELILING BAGI MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN JAWATANKUASA KARIAH BAGI MASJID DI SELURUH NEGERI SELANGOR BAGI SESI 2019 -2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tempoh pelantikan Pegawai dan Anggota Jawatankuasa Kariah bagi sesi 2016- 2018 akan berakhir pada 31 Disember 2018. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Bil. 4/2018 pada 10 Julai 2018 telah bersetuju agar semua masjid kariah di seluruh Negeri Selangor untuk mengadakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah bagi sesi 2019 -2021 bermula pada 18 Ogos 2018 hingga 15 Oktober 2018.

3. Mesyuarat tersebut hendaklah dilaksanakan berpandukan kepada langkah- langkah berikut :-

- 3.1 Nazir hendaklah mengadakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah bagi membincangkan persediaan bagi pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan;
- 3.2 Setiausaha masjid hendaklah membuat semakan dan pendaftaran ahli kariah berpandukan Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.
- 3.3 Setiausaha Masjid hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada ahli kariah sekurang-kurangnya **14 hari notis** sebelum mesyuarat diadakan dan memaklumkan kepada Pejabat Agama Islam Daerah.
- 3.4 Setiausaha hendaklah mengemukakan minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah bersama dengan borang yang telah lengkap dan diserahkan kepada Pejabat Agama Islam Daerah dalam tempoh 7 hari selepas mesyuarat menggunakan borang-borang berikut:

**SURAT PEKELILING BAGI MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS
PENCALONAN DAN PEMILIHAN JAWATANKUASA KARIAH BAGI MASJID DI
SELURUH NEGERI SELANGOR BAGI SESI 2019 -2021**

- i. Borang Pencalonan Pegawai Masjid; dan
 - ii. Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Masjid.
- 3.5 Mematuhi Peraturan dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Bagi Masjid Di Negeri Selangor.
4. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen-dokumen berkaitan untuk rujukan dan tindakan tuan iaitu :-
- 4.1 Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Bagi Masjid Di Negeri Selangor.
 - 4.2 Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.
 - 4.3 Jadual Pelaksanaan Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Bagi Masjid Di Negeri Selangor Sesi 2019 – 2021. (**Lampiran A**)

Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, والسلام

" معارف كريضان الله "
" أمانه، قريهاتين دان مسرا "

Saya yang menurut perintah,


(DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN)
Sekiausaha
Majlis Agama Islam Selangor

Sk. Fail

(Lampiran A)

**JADUAL PELAKSANAAN
PENCALONAN DAN PEMILIHAN JAWATANKUASA KARIAH BAGI MASJID DI
SELURUH NEGERI SELANGOR SESI 2019 – 2021**

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPOH	TINDAKAN
1.	Semak Pendaftaran Ahli Kariah dan Bantahan (jika ada)	3 Minggu selepas taklimat dijalankan di peringkat daerah		Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah
2.	Edaran Surat Pekeliling Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan	21/7/2018- 18/8/2018		JAIS dan PAID
3.	Notis Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Sesi 2019 - 2021	14 hari sebelum Mesyuarat Agung Khas dilaksanakan	2 minggu	Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah
4.	Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid dan Pemilihan Jawatankuasa Kariah Sesi 2019 – 2021	Mulai 18 Ogos 2018 – 15 Oktober 2018	2 bulan	Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah
5.	Menyerahkan minit mesyuarat dan borang- borang yang telah dilengkapi ke PAID Daerah masing- masing	Selepas mesyuarat diadakan	5 hari selepas mesyuarat	Nazir/ Setiausaha masjid

Disediakan Oleh :
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor